Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir telah memberi pandangan berkenaan dengan Leave of Officers. Saya suka terangkan ia-itu Officers Leave ini di-bagi bukan sahaja kepada Officers yang baharu—Officers yang sudah lama bekerja pun di-bagi juga, sebab ada macham² Leave di-sini sa-tengah-nya kerana latehan dan sa-tengah-nya kerana melanjutkan pandangan dan pengalaman mereka itu.

Saya tidak bersetuju semua sakali dengan pandangan-nya mengatakan Devonshire Course ta' berguna. Itu satu fahaman yang saya fikir sangat pendek sebab banyak pegawai² dan saya per-chaya pegawai² Tanah Melayu yang telah pergi belajar di-Devonshire Course bersetuju dengan saya bahawa Course itu sangat berguna sebab memberi peluang kepada pegawai² itu bertukar² fikiran dengan pegawai² dari negeri² yang lain terutama sakali negeri² Commonwealth.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir mengatakan, pegawai² yang di-hantar belajar di-Bar—belajar Undang² itu jika tidak lulus di-beri jawatan yang tidak mustahak—yang tidak berguna, sa-umpama-nya di-bagikan jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Jajahan atau A.D.O. Saya tidak bersetuju yang di-katakan jawatan Pegawai A.D.O. itu tidak mustahak. Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri, dahulu-nya sa-orang A.D.O. juga saya fikir sebab latehan-nya sa-bagai A.D.O. sekarang dia menjadi Perdana Menteri yang termashor di-dunia (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$11,298,136 for Head 9 ordered to stand part of the Schedule.

Head 10—

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak menjelaskan peruntokan dalam Kepala 10—Jabatan Penerangan. Dengan sekali imbas Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini akan nampak peruntokan bagi Jabatan Penerangan tahun 1961 ada-lah kurang sa-banyak \$112,000 daripada peruntokan tahun ini. Sungguh pun peruntokan ini bagi tahun hadapan kurang daripada peruntokan tahun ini, tetapi

boleh-lah saya memberi pengakuan dan jaminan pada Dewan ini bahawa kecekapan dan kerja² yang akan dijalankan oleh jabatan ini tidak akan kurang daripada masa yang sudah², bahkan kerja² jabatan ini akan bertambah banyak lagi dan lebih sempurna serta lebih kemas daripada yang sudah².

Perkara yang saya ingin hendak menarek perhatian Dewan ini ia-lah berkenaan dengan perbelanjaan dharurat. Sa-bagaimana yang ada dalam peruntokan perbelanjaan dharurat berkenaan dengan Liaison Section dan Units telah di-masokan dalam belanja biasa, sebab-nya maka di-buat saumpama itu ia-lah kerana kerja² dan tugas² yang di-jalankan oleh Liaison Section dan Units ini bukan-lah semata² kerana dharurat sahaja, tetapi ada-lah meliputi semua kerja² yang berkaitan dengan penerangan. Kerja² Liaison Section dan Units ini ada-lah meliputi semua lapangan penerangan selain daripada dharurat. Selain daripada itu Jabatan Penerangan ini dengan peruntokan yang berkurangan pada tahun ini akan menchuba dengan sa-berapa yang terdaya dengan segala tenaga yang ada pada-nya hendak menyemai dan memupok semangat kebangsaan yang sepenoh²-nya ia-itu semangat Malayan—semangat ta'at setia kepada Tanah Melayu ini dan bukan-lah kepada lain tempat dan lain negeri. Pendek kata Jabatan Penerangan dalam usaha-nya pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang ia-lah hendak menghalakan kiblat pandangan ra'ayat negeri ini bertumpu kepada Malaya semata² dan tidak kebaratan atau apa² jua, melainkan pandangan dan perasaan mereka ia-lah kepada Tanah Melayu ini. Dan untuk menchapai tujuan dan maksud ini maka Jabatan Penerangan akan membanyakkan lagi Civic Course, khas-nya di-negeri² pantai timor sana.

Satu perkara lagi yang akan menjadi tugas yang berat yang akan di-jalankan oleh Jabatan Penerangan ini ia-lah hendak memberi sepenoh² dan seluas² publicity kepada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Dalam usaha hendak memberikan sepenoh² publicity dan penerangan berkenaan dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu bukan-lah sahaja jabatan

ini bermaksud hendak memberi penerangan dan publicity menerangkan kepada orang ramai dan ra'ayat negeri ini apa-kah yang di-katakan Ranchangan Luar Bandar, tetapi yang lebih mustahak lagi ia-lah hendak menchuba membentok jiwa baharu bagi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini supaya dapat menghadapi perubahan besar yang akan di-bawa oleh Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu. Sambil kita dan Kerajaan akan menjalankan pembaikan nasib hidup ra'ayat, maka Kerajaan tidak akan melupakan pembaikan dari segi jiwa ra'ayat negeri ini. Pendek kata rohani dan jasmani orang ramai akan sama² di-ambil berat oleh Kerajaan.

Sa-perkara lagi yang saya ingin hendak menarek perhatian Dewan ini, Tuan Pengerusi ia-lah dalam muka 45 Sub-head 4 berkenaan dengan pekerja² yang bergaji hari. Daripada Sub-head ini akan nampak bahawa peruntokan ini bertambah lebih banyak jauh-nya daripada peruntokan pada tahun ini, tetapi yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya kita ulang balek semula kepada peruntokan tahun yang lepas kita akan dapati bahawa peruntokan bagi tahun hadapan ada-lah kurang daripada peruntokan tahun ini. Sebab dalam Belanjawan tahun ini pekerja² bergaji hari di-pechahkan kepada dua bahagian ia-itu satu bahagian dalam Film Unit dan satu bahagian dalam Jabatan Penerangan, dan mengikut perbelanjaan pada tahun ini bagi Jabatan Penerangan sa-banyak \$29,250 dan pekerja² bergaji hari dalam Film Unit sa-banyak \$19,000 jadi jumlah pada tahun ini sa-banyak \$49,050 pada hal mengikut peruntokan tahun depan hanya \$46,000 sahaja.

Jadi ini-lah dia, Tuan Pengerusi, yang saya dapat nyatakan di-sini berhubung dengan Film Unit yang akan mengambil dan memainkan peranan-nya dalam membuat publicity berkenaan dengan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar dan juga dalam usaha dan ikhtiar Kerajaan hendak membentok jiwa ra'ayat Tanah Melayu supaya menjadi sa-benar²-nya berjiwa Tanah Melayu ini.

Sa-kian sahaja yang dapat saya terangkan untuk sementara ini.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bangun pada pagi ini ia-lah hendak berchakap pada muka 40 Item 22 berkenaan dengan Field Officers. Melihatkan kepada jumlah Anggaran Perbelanjaan yang di-chadangkan bagi tahun hadapan ini, nyata-lah Field Officers ini akan bertambah, dengan bertambah-nya kaki-tangan baharu, Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu bahawa mulai daripada tahun hadapan ini Jabatan Penerangan ini akan mengadakan lagi tambahan Field Officers atau Pegawai Luar yang bertugas khas kerana memberi penerangan dalam bahagian ugama, yang saya perchaya sa-telah saya semak Estimates ini saya dapati ada termasuk dalam Item 22, Field Officers. Maka dalam perkara chadangan Kerajaan atau Jabatan Penerangan hendak mengadakan beberapa orang Pegawai Luar yang bertugas untuk bahagian ugama ini, saya hormati dan memberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, kerana mengadakan bahagian ini. Chuma satu perkara sahaja yang saya suka berchakap berkenaan dengan perkara ini ia-lah dalam chara² mengisi jawatan atau memilih orang untuk memenohi jawatan Pegawai Penerangan Luar yang bertugas dalam bahagian ugama ini. Mengikut cerita yang telah di-sampaikan kepada saya bahawa orang yang mengambil tugas sa-bagai Pegawai Luar bahagian ugama ini sa-bahagian daripada-nya terdapat chalun² Perikatan yang kalah dalam Pilehan Raya baharu² ini, dan bertambah kuat-lah cerita yang saya terima itu manakala saya dapati keterangan² yang boleh menjunjukkan benar-nya tentang hampir² $\frac{1}{2}$ daripada chalun Perikatan yang kalah dalam Pilehan Raya di-negeri Kelantan itu akan di-terima bekerja sa-bagai Pegawai Penerangan Luar yang mengambil tugas dalam bahagian ugama ini.

Saya tidak mengerti bagaimana-kah chara-nya menerima orang² ini bekerja sa-bagai Pegawai Penerangan bahagian ugama itu. Jika benar-lah seperti yang saya katakan, maka saya minta Menteri yang bertanggung jawab ini menjelaskan ada-kah di-terima-nya beberapa orang chalun Perikatan yang kalah dalam Pilehan Raya di-negeri Kelantan itu

bekerja sa-bagai Pegawai Penerangan Ugama dalam Field Officers ini sa-chara kebetulan atau memang di-ambil-nya dengan suatu niat yang tertentu, dan sa-kira-nya mereka itu di-ambil mengikut dasar perhitongan kelayakan, maka sudah-kah pernah Jabatan Penerangan ini mengeluarkan satu i'lan baik melalui surat khabar atau pun chara² yang biasa di-lakukan oleh Kerajaan untuk meminta supaya orang ramai yang ada mempunyai kelayakan yang tertentu memohon jawatan itu? Kalau sudah di-buat demikian, sudah-kah di-adakan satu pemilehan khas, dengan melalui pemilehan itu, maka chalun² Perikatan yang kalah itu dapat di-terima dengan begitu mudah bekerja di-Pejabat Penerangan ini? Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa memang tidak ada tegahan kepada sa-siapa yang kalah dalam Pilehan Raya itu di-terima bekerja dalam jabatan yang seperti ini, akan tetapi dengan chara yang di-dapati sa-bagaimana yang berlaku pada masa sekarang ini ia-itu chalun² Perikatan yang kalah dalam Pilehan Raya di-Kelantan itu yang sa-bahagian daripada mereka itu ada sedikit sa-banyak pengetahuan ugama yang chara kebetulan mereka itu semua-nya dapat di-terima bekerja sa-bagai Pegawai Penerangan Ugama. Ada-kah ini boleh kita sifatkan sa-bagai satu sagu hati daripada Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan kepada orang² U.M.N.O. yang telah tidak bernasib baik kerana tidak di-pilih oleh ra'ayat dalam Pilehan Raya baharu² ini? Ini satu perkara yang saya rasa muskil—yang kami minta benar kepada Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan memberi penjelasan dalam Majlis ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan Sub-head 3 Civics Education sa-banyak \$40,000 telah di-utangkan

Mr. Speaker: Perkara itu muka berapa?

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Muka 45, Tuan Pengerusi,dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan baharu sa-bentar tadi, ia menyatakan bagaimana besarnya chita² jabatan ini untuk memberi penerangan melalui Kursus Tata Ra'ayat (Civics Course) kepada ra'ayat dengan

utama telah menguntokkan wang sebanyak \$40,000. Sa-hinggakan dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan tadi menyatakan, terutama sa-kali di-pantai timor. Saya menguchapkan terima kaseh sebab mengutamakan negeri pantai timor ia-itu negeri² Kelantan, Trengganu dan Pahang—negeri Pahang itu sa-paroh sahaja. Chuma ada satu perkara yang saya terasa terbetik dalam perasaan saya, kenapa pada tahun 1961 ini baharu hendak di-perkuatkan kerja² Civics Course dan penerangan di-pantai timor itu? Sa-tahu saya tahun 1959, 1958, 1957 kerja² Perikatan di-Pantai Timor chukup selekeh dan kerja² tidak bagitu sempurna jika di-banding dengan kerja²-nya di-Pantai Barat, tetapi sa-lama Perikatan itu tidak berkuasa lagi di-Kelantan oleh kerana dengan sa-chara kebetulan ra'ayat memilih Partai Pas, baharu-lah Kerajaan Perikatan hendak memperhebatkan kerja²-nya di-Pantai Timor. Ada-kah kerja hendak memperhebatkan di-Pantai Timor ini dengan tujuan sehat atau ada mempunyai satu² tujuan yang lain. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Fasal burok sangka itu tidak boleh di-sebutkan kepada satu² orang, itu tidak boleh.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah chakap saya tadi boleh di-sifatkan sa-bagai burok sangka maka saya tarek balek. Rasa saya perchakapan saya itu tidak burok sangka kerana

Mr. Speaker: Awak tidak boleh challenge saya punya ruling. Saya telah beberapa kali memberitahu berchakap dalam Majlis ini.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Ma'af Tuan Yang di-Pertua, satu perkara berkenaan dengan Kursus Tata Ra'ayat, saperti saya katakan tadi kebanyakan Kursus Tata Ra'ayat di-negeri Kelantan sahaja di-tumpukan. Saya suka mengingatkan kepada Menteri Muda itu kalau pergi melawat di-Kelantan jangan-lah menggunakan kesempatan untuk menyatakan kerja² dan dasar Partai-nya tetapi hendak-lah penerangan itu merupakan berkenaan dengan Kursus Civic yang akan memberi faedah kepada ra'ayat, dan bukan-lah untuk menchachi Kerajaan negeri itu dalam Kursus Civic.

Mr. Speaker: Ini awak berchakap bawah mana? Civic Course tidak masok bahagian Menteri Muda ini.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya sebutkan perkara ini kerana Yang Berhormat Menteri Muda itu selalu pergi memberi Civic Course di-Pantai Timor.

Mr. Speaker: Saya tidak tahu perjalanan dalam pelajaran ini tetapi kita telah membahathkan fasal Menteri Muda sa-malam sa-hingga hendak di-buangkan jawatan-nya itu (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Terima kaseh, itu-lah sahaja yang hendak saya sebutkan dan saya harap chuba-lah Menteri itu menjelaskan-nya berthabit dengan Kursus Civic itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap berkenaan dengan Film Unit yang tadi telah di-sebutkan oleh Menteri Muda Penerangan.

Mr. Speaker: Muka berapa itu.

Enche' Othman bin Abdullah: Muka 41 item 62. Tuan Yang di-Pertua, jadi berdasarkan kepada penerangan Menteri Muda tadi nyata-lah Film Unit itu pada masa akan datang akan merupakan satu Film yang juga berfaedah kepada musharakat negeri ini. Saya harap Film Unit itu sa-lain daripada Film² yang merupakan berita, juga hendak-lah Film² itu berupa pendidekan kepada ra'ayat, walau pun Film² yang berupa pendidekan itu terpaksa di-buat mithalnya suatu cherita, dan dengan cherita itu akan menggambarkan suatu pendidekan kepada ra'ayat. Jadi di-dalam Film² yang di-siarkan sekarang ini ada-lah untok seronok² sahaja. Orang² itu banyak keluar dari kampong pergi melihat wayang gambar berduyun² dan mengharapakan satu² benda daripada yang dapat di-lihat-nya, tetapi jangan-lah sa-mata² dalam wayang gambar itu menunjukkan Menteri Muda itu turun daripada kapal terbang, naik motor bot dan berbagai² lagi, itu tidak berfaedah (*Ketawa*).

Satu perkara lagi yang menarek hati saya, tadi di-dalam penerangan Menteri Muda itu telah menyebutkan, "Kita hendak membentok jiwa ra'ayat supaya ta'at setia kepada negeri ini" tetapi dia telah pernah menegor sa-orang daripada

Ahli Yang Berhormat dan menudoh Ahli Yang Berhormat itu sa-bagai ahli Tarikat, dan sekarang dengan tidak di-sedari Menteri Muda telah menjadi Khalifah Tarikat hendak memelayankan orang² negeri ini. Alhamdu lillah, dia telah menjadi Khalifah Tarikat Malayan.

Sekarang saya pergi kepada sub-head 3 berkenaan dengan Civic Education, tidak akan menyentuh apa yang telah saya sebutkan kelmarin terhadap Menteri Muda Penerangan itu. Saya kasehan kerana kaki dia telah sakit, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak menyebut di-sini supaya Civic Education itu yang pertama sa-kali yang kami hendak, supaya di-terangkan kepada ra'ayat dasar kehidupan ra'ayat di-dalam sesuatu negara yang berbentuk demokrasi. Chara² saperti ini hendak-lah di-terangkan kepada ra'ayat supaya mereka tahu bahawa mereka hidup di-sabuah negara yang demokrasi mempunyai hak² tersendiri di-dalam bentuk demokrasi. Rasa saya di-dalam Civic Education itu di-berikan kepada ra'ayat yang hadhir di-dalam Kursus itu tidak-lah perlu menchachi Partai itu dan mengatakan Partai itu elok Partai ini tidak elok, kerana ini bukan-lah kerja atau mesti di-masokkan dalam Kursus itu.

Sebab Civic Course ini akan di-buat oleh Jabatan Penerangan. Jadi, bila Civic Course ini di-buat oleh Pejabat Penerangan, berma'ana-lah Jabatan Penerangan mesti membentok ra'ayat itu dari segi yang benar tidak-lah berat sa-belah sahaja. Kalau di-Pantai Timor benda ini, Tuan Yang di-Pertua, lebeh banyak maka kami, Ahli² Parlimen yang ada di-sini bersedia hadhir bersama mengikuti Civic Course itu, sa-jauh mana di-buat Civic Education itu. Dan kalau sakira-nya di-luar daripada apa yang kami harap—yang sa-benar-nya patut berbuat demikian, kami akan chuba hadapkan lagi dalam Dewan ini dengan bentuk-nya saperti ini, kami tidak takut kepada siapa pun. Tuan Yang di-Pertua,

Mr. Speaker: Ini!.....

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Ini-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Sitting suspended at 11.40 a.m.

Sitting resumed at 12.00 o'clock noon.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate in Committee of Supply resumed.

Resumption of Debate on Question.

That the sum of \$6,491,019 for Head 10 stand part of the Schedule.

(Mr. Speaker in the Chair)

Question again proposed.

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa Jabatan Penerangan ini ia-lah satu jabatan yang sangat mustahak bagi perhubungan di-antara Kerajaan dengan ra'ayat, terutama ra'ayat yang tinggal di-kampong². Saya suka, Tuan Pengerusi, berchakap pada muka 45 Sub-head 10. Publicity Campaigns and Publications. Apa yang saya hendak chakapkan ia-lah berkenaan dengan surat khabar Panduan Ra'ayat yang di-terbitkan oleh Jabatan Penerangan ini saya dapati tidak mendapat sambutan daripada ra'ayat luar bandar. Saya rasa barang-kali Panduan Ra'ayat ini sa-lain daripada mengisi penerangan Kerajaan tidak mengisi perkara² yang patut dan yang sesuai dengan kehendak ra'ayat, terutama sa-kali yang di-luar bandar. Kalau kita perhatikan, umpama-nya, Straits Times telah mendapat kejayaan dalam penjualan-nya, terutama di-bandar, kerana sesuai dengan kehendak ra'ayat di-situ, kalau di-bandingkan, Straits Times itu pada hari ini ada perkara berkenaan dengan share. Jadi dalam Panduan Ra'ayat itu adakan-lah perkara² yang sesuai dengan Rancangan Kemajuan Luar Bandar, mithal-nya, di-isikan dengan gambar yang boleh menarek hati atau pun perkara² yang boleh memberi faedah kepada orang luar bandar dan pada persaorangan saperti mengadakan teka silang kata, ini saya rasa boleh menarek hati orang luar bandar membacha Panduan Ra'ayat itu.

Oleh itu, saya rasa patut-lah Jabatan Penerangan ini menchari satu jalan, mithal-nya, mengisi perkara ilmu 'alam negeri ini atau teka silang kata guna menarek ra'ayat membacha Panduan Ra'ayat ini, sa-lain daripada membacha segala ranchangan Kerajaan.

Muka surat 40, item (22) Field Officers peruntokan sa-banyak \$532,105.

Saya bukan-lah hendak mengkeritik dalam perkara ini tetapi saya suka memberi pandangan bahawa Field Officers ini ada-lah memberi satu hubungan yang lebih rapat di-antara ra'ayat dengan Kerajaan di-samping memberi penerangan kepada ra'ayat. Tetapi sa-bahagian kecil-nya yang barangkali sedikit sebanyak Field Officers ini dapat mengeluarkan fikiran atau pun penerangan-nya yang tepat kepada ra'ayat, ma'alom sahaja-lah ra'ayat di-luar bandar ini bukan seperti orang dalam bandar yang boleh di-katakan semuanya pandai.

Selain daripada itu yang di-pikul oleh Field Officers bagi menjalankan penerangan-nya agak berlainan sedikit daripada apa yang patut di-jalankan, umpama-nya sa-belom pilihan raya Federal tahun 1959 dahulu di-mana dapat di-ketahui bahawa ada di-antara Field Officers itu mengatakan pilihan raya akan di-adakan sekian² hari dan tuan² patut pergi mengundi. Tiba² kata-nya siapa yang tak hendak mengundi tak usah pergi. Itu biasa berlaku di-tempat saya dahulu yang mana banyak ahli² U.M.N.O. di-sana. Jadi saya minta kepada jabatan ini supaya mengawasi Field Officers itu. Ini tidak-lah berma'ana kita berkehendakkan supaya meminta jang an undi U.M.N.O.—M.C.A., P.A.S. atau Socialist Front, tetapi apa yang kita mahu supaya Field Officers itu memberi penerangan yang tepat mengikut dasar Kerajaan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Kerajaan. Jangan-lah pula di-katakan: Hendak pergi pun boleh, ta' hendak pun boleh. Saya minta perhatian dalam perkara ini.

Muka 41, item (46) Mobile Cinema Operators sa-banyak \$262,439. Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh dalam perkara ini kerana dapat di-adakan pertunjukan wayang gambar di-kampung², tetapi satu sahaja saya minta supaya pertunjukan wayang gambar itu hendak-lah di-sesuaikan dengan tempat di-situ, umpama-nya di-tempat itu suka pukul 8 malam ya'ani sa-lepas sembahyang Esa dan jangan-lah hendak-nya di-adakan sa-lepas Maghrib pula, jadi kalau boleh di-sesuaikan dengan tempat² itu beri-lah masa yang tetap, kalau pukul 8 tetapkan pukul 8, kalau pukul 7.30 malam tetapkan pukul

7.30 mengikut sesuai di-tempat itu. Tetapi, nampak-nya pihak P.A.S. dan Socialist Front tidak sekali pun menerangkan dalam perkara ini yang mana saya berchakap mereka akan memberi perhatian terhadap jabatan ini.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): Tuan Yang di-Pertua, memang Jabatan Penerangan ini ada-lah satu jabatan yang mustahak terutama setelah kita mengadakan pilihan raya baharu² ini. Saya suka hendak berchakap berhubung dengan item (18); (20); dan (22). Sa-benar-nya kerja Field Officers ini yang saya dapati sekarang ia-lah semata² menyampaikan perkhabaran, perintah dan sa-bagai-nya daripada pusat. Apa yang saya maksudkan bahawa elok-lah pejabat ini mengadakan penyiasatan—mithal-nya apa² kesulitan atau apa² yang patut di-beri keterangan dan kemudian baharu-lah di-gunakan pegawai penerangan itu agar dapat memperbaiki keadaan di-tempat² itu.

Sa-benar-nya sa-lepas pilihan raya baharu² ini banyak daripada ra'ayat kita, bukan-lah saya mengatakan kepada parti², tetapi salah faham dan sudah menjadi musoh di-antara parti² yang mana boleh mengakibatkan atau pun merosakkan masyarakat. Satu daripada tugas-nya melalui Jabatan Penerangan ini ia-lah Field Officers itu supaya menerangkan kepada ra'ayat bahawa bermusoh²an dalam parti itu jangan-lah di-panjangkan dalam masyarakat, kerana walau pun sengaja atau pun tidak dalam pilihan raya dahulu ada bermacam² tuduhan yang di-datangkan oleh sa-suatu parti terutama di-tempat saya Negri Sembilan yang mana satu tuduhan yang sangat berat yang di-datangkan dari parti lain. Kata-nya kalau siapa mengundi Perikatan dia kafir.....

Mr. Speaker: Itu tak payah diterangkan!

Enche' Mohamed bin Ujang: Itu-lah tugas yang paling besar sekali bagi mengamankan sa-mula supaya tidak ada permusohan di-antara parti². Lagi satu berkenaan dengan pilihan raya ini yang mana saya dapati banyak daripada pengundi² itu yang dia tak tahu apa ma'ana mengundi, mithalan-nya saya telah berjumpa dengan sa-orang tua dan saya bertanya kepada-nya: Emak sudah

mengundi? Sudah, jawab-nya. Dahulu yang menang siapa? Tanya orang tua itu kepada saya. Jadi dia mengundi dengan tak tentu fasal. Tak tahu siapa yang sudah menarek dia mengundi. Nampak-nya ra'ayat tak mengikut dasar parti, tetapi mengikut tarekan orang yang bekerja itu sahaja.

Sa-perkara lagi yang hendak saya terangkan ia-lah berkenaan Civic Course. Tadi saya katakan ini satu perkara yang chukup baik, kerana dengan ini-lah dapat ra'ayat belajar atau pun mempelajari apa yang sa-benar-nya di-buat oleh Kerajaan sekarang ini. Ada tudohan² yang mengatakan bahawa Menteri Muda telah menggunakan peluang ini untuk kepentingan diri-nya sendiri. Saya berkata walau pun saya pernah mengikut Civic Course ini perkara yang sa-macam itu tak pernah berlaku. Saya rasa tudohan yang sa-umpama itu tidak-lah patut di-tujukan kepada Menteri Muda Penerangan, kerana saya tahu tudohan itu tidak benar sama sekali, dan apa yang di-jalankan-nya itu ia-lah semata² untuk kepentingan negara.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan ada-lah satu Jabatan yang penting kepada sa-buah negara yang merdeka saperti kita ini, maka segala perjalanan peruntokan wang-nya patut sangat-lah mendapat perhatian yang berat. Di-dalam hal ini saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head 148, Item (22) Field Officer dan juga (46). Dalam daerah saya ia-itu ada-lah daerah yang ramai bilangan-nya daripada orang² Melayu. Jadi, tentu-lah berkehendakkan pegawai² yang banyak daripada mereka² orang yang mengerti bahasa Melayu. Dalam beberapa banyak pegawai² yang ada, saya harap yang ka-hadapan ini dapat di-adakan pegawai² daripada wanita. Sebab dalam segala penerangan², kebanyakan-nya boleh di-katakan 45 peratus daripada kaum wanita. Jadi, itu-lah saya berharap terutama di-kawasan saya ini yang banyak daripada bangsa Melayu kalau dapat Field Officer itu biar-lah daripada kaum wanita.

Lagi satu, pegawai² ini sa-belum di-hantarkan hendak-lah mereka ditugaskan atau di-beri tanggong-jawab

supaya menyiasat tempat² yang akan di-beri penerangan itu supaya sesuai dengan penerangan yang di-berikan itu kepada mereka² di-tempat itu. Satu perkara yang besar-nya ia-lah daripada segi loghat bahasa kerana ada pegawai² penerangan yang ta' boleh di-faham langsung oleh orang² kampung. Jadi, ini satu perkara, kerana tujuan kita hendak memberi penerangan di-tempat itu supaya orang kampung—orang ramai faham betul² apa yang di-uchapkan-nya itu.

Menyangkit kepada Civic Course, ia-itu Sub-head 3, muka 45. Saya dengar banyak pehak² merasa bebes hati dalam peruntokan ini. Jadi, bagi pehak saya pula berharap mendapat peruntokan wang yang besarkan sedikit atau di-lebuhkan sedikit bagi kawasan saya. Sebab saya katakan bagitu, peruntokan kepada Civic Course sangat² berguna pada memberi pengalaman dan segala perjalanan Kerajaan dan pendidikan kepada orang² kampung yang kurang mendapat segala²-nya. Dan juga saya ucapkan terima kaseh terutama sekali kepada Pejabat Penerangan bagi daerah saya, yang telah mengadakan Civic Course-nya dan telah membawa lebeh kurang 40 orang daripada daerah saya melawat perusahaan² di-Ibu Kota dan juga sa-terus-nya pada petang malam ka-dalam Parlimen ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, peruntokan wang berkenaan dengan Printing and Stationery, Sub-head 8. Ini juga rasa saya, barangkali tidak chukup kerana peruntokan ini sama dengan tahun dahulu. Dalam lawatan saya ka-daerah² yang saya pergi maka penerangan chara poster sangat-lah berkekurangan. Jadi, saya berharap dapat perhatian berat supaya poster² dan juga pamphlet² ini di-lebuhkan lagi daripada masa yang ada sekarang.

Saya bagi satu chontoh yang saya memberi Civic Course dalam sa-buah kampung di-mana di-hadziri lebeh kurang 300 orang maka pamphlet² itu chuma ada lebeh kurang ta' sampai 150 naskah. Jadi, sebab itu saya rasa sangat mustahak di-lebuhkan lagi peruntokan dalam hal printing ini.

Yang penyudah-nya, saya memerhatikan ia-itu berkenaan dengan Penangkutan bagi pegawai² yang hendak

pergi ka-kampung², pada masa ini rasa saya, sangat-lah berkekurangan. Sunggoh pun peruntokan kerana Motor Vehicles dalam Sub-head 18 ada berlebih \$24,000 tetapi rasa saya, tentu-lah \$24,000 ini tidak dapat mengadakan 2 buah kereta baharu di-tiap² negeri. Jadi, ini saya harap mendapat perhatian, kalau boleh di-lebihkan lagi dalam hal memberi penerangan ini. Sebab, dalam kawasan saya orang² kampung sangat dahagakan kapada penerangan tetapi mereka² ini ta' dapat menjalankan kerja-nya oleh sebab kekurangan pengangkutan. Dalam siasatan saya, mereka boleh buat dalam 2 bulan sekali melawat ka-kawasan² yang besar. Saya lihat chara membaiki motor car juga sangat kekurangan ia-itu daripada \$140,000 di-turunkan kapada \$80,000 maka rasa saya ini akan menyukarkan lagi perjalanan Pejabat Penerangan. Kereta² yang lama itu boleh di-baiki tetapi terpaksa-lah menggunakan wang yang banyak.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tertarek hati di-atas satu peruntokan bahru di-muka 46, Sub-head 25—Publicity in Rural Areas. Perkara ini saya sokong dengan sa-kuat²-nya supaya di-adakan publicity atau penerangan untuk orang² di-luar bandar. Perkara yang mustahak sekali bagi orang² di-luar bandar ia-lah berkehendakan penerangan. Saya dapat tahu berkenaan dengan asas² pemerintahan democracy chara Berpalimen, banyak orang² di-luar bandar yang boleh di-katakan buta huruf, sa-tengah-nya tidak mengerti chara² pemerentahan negara kita ini. Ini satu perkara yang mustahak di-jalankan sebab negara kita atau pemerentahan kita mengamalkan chara democracy Berparlimen. Dan dengan ini dapat-lah tiap² ra'ayat jelata itu mengetahui dengan sa-benar-nya bagaimana pemerentahan melaksanakannya ka-atas tiap² warga negara dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Dan juga berkenaan dengan pemerentahan bagi tiap² negeri itu dan juga chara pemerentahan tiap² Majlis Meshuarat Tempatan yang berkaitan dengan chara kehidupan orang² di-luar bandar.

Di-samping itu Ahli yang bersharah hendak-lah membuat perbandingan dengan pemerintah² di-negara yang lain daripada pemerintah yang ada sekarang

ini. Maka dengan itu ra'ayat jelata akan mengetahui dengan sa-benar-nya yang mana baik dan yang mana tak baik.

Sa-perkara lagi, saya berharap supaya penerangan² di-beri ka-kampung² berhubung dengan tanggung jawab Kementerian masing² ia-itu apa-kah tanggung jawab dan tugas²-nya untuk kepentingan ra'ayat di-samping itu tanggung jawab bagi pegawai² yang di-bawah Kementerian masing². Penghabisan sekali berhubung dengan Perlembagaan negara yang mana kebanyakan ra'ayat jelata tak dapat tahu berkenaan dengan isi, ma'ana atau ta'arif Perlembagaan kita yang ada pada masa sekarang ini. Dengan ini dapat-lah kita beri latehan kapada beberapa pegawai penerangan yang ada mempunyai pengalaman dan kebolehan untuk memberi penerangan² yang mana saya fikir sangat mustahak di-ketahui oleh ra'ayat jelata sekalian.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, Kepala 10, sub-head 3—Civics Education. Perkara ini bukan-lah perkara yang baharu yang mana sudah di-jalankan daripada tahun yang sudah² dan kita akan lanjutkan lagi pada tahun² yang akan datang dengan hasrat yang besar sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan tadi. Tetapi dalam hal ini suka saya menyentoh sedikit berhubung dengan chara kita memberi pelajaran tata ra'ayat kapada ra'ayat seluruh-nya. Saya rasa hendak-lah kita buat dengan chara yang bersungguh², bukan sahaja kapada ra'ayat yang di-kampung² malah kapada pekerja² atau tegas-nya kakitangan Kerajaan seluruh-nya. Saya tidak-lah hendak berchakap atau hendak mengatakan bahawa kaki-tangan Kerajaan kita yang sekarang bekerja ini barangkali tidak bagitu lichin perjalanan-nya atau tidak baik maka itu ada-lah jauh sama sekali, tetapi apa yang kita harapkan ia-lah semangat yang ada kapada sa-bahagian daripada pekerja² kita itu yang mana maseh lagi mempunyai semangat sa-bagai buroh atau semangat makan gaji kapada sa-suatu tempat. Sepatut-nya sa-telah kita merdeka ini mereka itu patut-lah timbul dengan sendiri-nya walau pun makan gaji, tetapi makan gaji kapada tanah ayer-nya sendiri yang patut ada masa yang lebih barangkali di-gunakan

kerana kerja ini di-minta oleh orang ramai dan patut di-beri jasa yang baik itu. Ini dapat-lah saya maksudkan pada kita mengadakan Civics Course yang lalu yang mana kita mengumpulkan beberapa orang yang kita agak kapada peringkat²-nya sama ada ketua kampung atau bahagian apa sekali pun, kemudian boleh-lah kita sambong lagi dalam perkara ini untuk orang ramai. Saya maksudkan sekarang bukan-lah tidak ada di-pilih dari orang ramai satu orang satu, tetapi bila kita beri 30 sekali gus atau pun 40 orang maka perkara yang semacham ini tentu lambat dapat di-terima nekmata-nya kapada orang² kita terutama orang² kampung yang kadang²-nya mengambil kursus itu hanya untuk diri-nya sahaja.

Saya rasa ada baik-nya dalam masa menayangkan wayang gambar di-kampung yang mana Pejabat Penerangan itu datang sekali sekala menayangkan gambar²-nya, maka ada-lah di-harap supaya pegawai² yang benar² dalam sa-suatu masaalah itu umpama-nya Pegawai Menanam Getah Semula menerangkan daripada A hingga Z ketika hendak memberi penerangan berhubung dengan perkara Menanam Getah Semula kapada orang² kampung. Maka dengan ini dapat-lah kita menjalankan pada masa yang akan datang supaya kemajuan negara kita akan dapat di-chapai dengan chepat-nya oleh seluruh ra'ayat Tanah Melayu dengan mana sedar bahawa mereka itu hidup dalam tanah ayer-nya sendiri dan kerja² yang di-jalankan-nya itu ada-lah untuk faedah mereka sendiri.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sa-telah melihat peruntukan bagi Jabatan Penerangan ini sa-banyak \$6,491,019 maka saya rasa peruntukan itu tak memadai, tetapi walau bagaimana pun berhubung dengan sub-head 10—Publicity Campaigns and Publications dan sub-head 25—Publicity in Rural Areas, kita patut beri tahniah kapada jabatan ini kerana mengambil berat terhadap penerangan kapada orang² kampung dan kita sedia ma'alum bahawa Jabatan Penerangan ini ada-lah sangat² mustahak sekali untuk sa-suatu Kerajaan.

Sa-bagaimana yang kita ketahui bahawa pada masa pemerintahan Jepun

dahulu Jabatan Penerangan ini sangatlah mustahak, umpama-nya kalau sa-saorang itu belot atau tidak menjalankan kerja maka harus kepala-nya kena potong. Jadi kita sifatkan Pejabat Penerangan ini sa-bagai telur ayam. Telor ayam itu kechil—telor itek besar, tetapi kenapa-kah harga telur ayam itu lebeh mahal daripada harga telur itek? Oleh sebab apabila ayam itu hendak bertelor, dia selalu bising, berketok di-sana sini maka sebab itu-lah mahal. (*Ketawa*). Itu-lah sebab-nya saya mengatakan yang Pejabat Penerangan ini sangat mustahak. Kalau boleh apabila Field Officer itu pergi ka-kampung² hendak-lah ia menerangkan apa yang Kerajaan telah, sedang dan akan buat, kerana ini ada-lah sangat² mustahak. Pegawai² itu terpaksa mengikut perintah dan ta'at setia kapada Kerajaan dan jangan-lah hanya pergi ka-tempat² itu sa-bagai: Melepaskan batok di-tangga sahaja, tetapi hendak-lah memberi penerangan yang sa-benar²-nya; walau pun pehak pembangkang tak suka, tetapi mesti-lah ia beri penerangan yang sa-benar²-nya apa yang telah di-jalankan oleh Kerajaan.

Ada Ahli² Yang Berhormat yang berchakap tadi mengatakan banyak pegawai² penerangan atau pun penolong²-nya takut hendak memberi penerangan yang betul di-atas apa yang di-buat oleh Kerajaan. Umpama-nya kalau dia masok ka-pantai timor walau pun dia tahu yang pemerentahan di-sana ia-lah Kerajaan P.A.S., tetapi ia mesti menerangkan kapada orang² di-situ apa-kah Kerajaan Persekutuan telah buat berhubung dengan kemajuan luar bandar. Kerajaan buat sa-suatu itu bukan-lah untuk U.M.N.O., M.C.A. dan M.I.C.—tidak, tetapi Kerajaan berkehendakkan sa-suatu dasar yang mana Kerajaan Perikatan telah berjanji dalam manifesto-nya dahulu itu ditunaikan melalui saluran pegawai² Kerajaan yang mungkin mereka itu patoh betul² walau pun dalam kawasan Socialist Front atau pun kawasan P.A.S., terpaksa-lah pegawai² itu memberi penerangan yang betul yang di-jalankan berhubung dengan tugas Kerajaan.

Berkenaan dengan item (46) Mobile Cinema Operators dan juga item (128) (ii) Mobile Cinema Operators dan

banyak tempat lagi yang mana saya fikir ada-lah juga mustahak.

Oleh sebab itu, jangan-lah hendak-nya wayang gambar yang di-tunjokkan itu menunjukkan gambar tarian atau pun cartoon sahaja, tetapi hendak-lah di-tunjokkan gambar kemajuan² yang telah di-buat oleh Kerajaan. Di-samping itu, Pegawai Penerangan hendak-lah mengambil kesempatan memberi penerangan-nya di-masa itu, sebab di-masa itu banyak orang menuntun wayang gambar, dan masa itu-lah elok Pegawai Penerangan ini memberi penerangan-nya.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya membuat ulasan, saya rasa telur ayam itu menjadi mahal yang sa-benar-nya tidak-lah kerana ketak ayam itu, tetapi sifat zat yang ada pada telur ayam itu sendiri walau pun telur itu di-keluarkan dengan chara incubator ia pun mahal juga, tidak payah ia berketak. Tuan Yang di-Pertua, benda yang saya hendak chakapkan pada asal-nya ia-lah berkenaan dengan Civics Education dan Film Unit Production Expenses serta Publicity in Rural Areas. Saya hendak berchakap sedikit di-atas dasar tiga² perkara ini. Ada satu dasar yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan tadi ia-itu dalam penerangan ini kita hendak memperkuatkan perasaan ra'ayat bagi kemajuan diri-nya sendiri, terutama supaya mereka dapat mensesuaian diri mereka dengan kemajuan luar bandar yang pada masa ini di-ranchang dan di-jalankan oleh Kerajaan. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada satu penyakit yang patut di-perhatikan oleh ketiga² pehak penerangan yang ada pada ra'ayat, terutama ra'ayat luar bandar yang berumur muda ia-itu kemahuan untuk bekerja dalam lapangan tanah dan perusahaan. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu saki-baki daripada penjajah, pemuda² kita pada masa ini telah kurang dalam semangat bekerja-nya daripada orang tua² kita yang lalu. Boleh jadi ada sebab² ekonomi yang tertentu menimbulkan keadaan ini seperti kekurangan incentive bekerja itu, tetapi ini tidak menjadi soal kepada Jabatan Penerangan. Yang menjadi soal-nya dalam penerangan dan dalam Film

Unit, mithal-nya, jika dapat kita pertunjokkan bagaimana dengan chara bertani, dengan chara berusaha sa-saorang dan dengan chara berniaga kechil², sa-saorang itu dapat memperbaiki diri-nya. Keluputan pelajaran atau keluputan peluang hidup di-bandar bagi pemuda kampung tidak-lah boleh di-jadikan asas bagi kelemahan semangat mereka untuk memperbaiki kehidupan mereka itu.

Oleh itu, jika dapat di-adakan film yang di-buat sengaja untuk menggambarakan dengan bekerja boleh sa-saorang itu memperbaiki diri-nya dalam lapangan yang seperti itu, saya perchaya akan dapat-lah film² itu memberi pengajaran kepada pemuda² kita dan mengubah sa-mula falsafah hidup mereka yang telah di-rosakkan oleh penjajah dahulu kepada satu satu falsafah hidup yang baharu, yang sesuai dengan perkembangan negeri ini. Dalam lapangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya film dapat juga di-buat di-dalam bidang menyusun waktu dan masa bagi orang yang duduk di-kampung; sebab sunggoh pun census tidak di-buat lagi, tetapi saya maseh merasa bahawa banyak gulungan² yang belum dapat menggunakan waktu dan tenaga mereka dengan chara yang terator di-kampung. Sa-kira-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini akan di-gambarkan dengan penerangan dan semangat ini saya rasa patut-lah Kementerian yang bersangkutan ini mengambil berat supaya dapat di-beri satu gambaran yang dengan menggunakan masa dan peluang yang sedikit itu sa-saorang itu dapat memperbaiki kehidupan-nya dalam zaman kemajuan ini.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap satu perkara dalam Jabatan Penerangan ini ia-itu berkenaan dengan Malayan Film Unit sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan tadi ia-itu untuk menyiapkan pertunjukan wayang gambar itu di-seluruh kampung oleh Film Unit ini. Saya suka hendak memberi pandangan sedikit berkenaan dengan hal ini ia-itu di-samping kita banyak menunjukkan wayang gambar hal negeri ini dalam kampung, saya suka juga meminta jabatan ini membanyakkan juga pertunjukan wayang gambar

ini seperti memperedarkan wayang gambar itu dalam panggong wayang dalam bandar. Dan juga pada muka 45 Sub-head 7. Maintenance. Saya dapati beberapa kesulitan dalam menjalankan Mobile Cinema ini ia-itu barang² pertunjukan seperti perkakas pertunjukan wayang gambar yang di-tunjokkan dalam kampung itu selalu saya dapati rosak dan mereka ini susah pula mendapat barang² untuk membaiki perkara itu. Oleh itu, saya minta kepada jabatan ini mengambil berat supaya membaharui perkakas² ini untuk menunjukkan wayang gambar di-kampung² dan sa-bagai-nya.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan yang telah berjaya mengadakan beberapa perubahan dalam Anggaran Perbelanjaan berkenaan dengan Jabatan Penerangan ini, dan saya tidak-lah hendak menyentuh tiap² perkara dalam hal ini. Chuma ada dua perkara sahaja yang saya suka memberi pandangan yang mana di-harap akan di-ambl perhatian oleh Menteri yang berkenaan. Yang pertama, muka 45 Sub-head 18, Motor Vehicles. Kita sama² telah dapat melihat bahawa dalam sedikit masa yang lalu Jabatan Penerangan telah mengadakan beberapa Motor Vehicles yang baharu daripada jenis Volkswagen, ini tentu-lah boleh kita katakan satu perubahan yang baik. Tetapi hendak-lah kita sama² ingat bahawa Persekutuan Tanah Melayu pada masa sekarang ini menghadapi satu penerangan yang banyak berhubung dengan kampung yang mana dalam kampung itu banyak mengandongi jalan yang tidak baik yang telah di-dapati dengan menggunakan kereta jenis yang baharu ini banyak-lah kerja² yang tidak dapat di-buat. Maka oleh kerana itu, saya minta kepada Menteri yang bertanggung jawab memikirkan kepada negeri² yang mundur, umpama-nya negeri Perlis tentu-lah kereta yang seperti itu tidak akan memberi faedah yang besar.

Di-muka 46 sub-head 25 berkenaan dengan Rural Area itu tentu-lah kita berasa gumbira, tetapi penerangan yang kita akan jalankan di-kampung² itu kita akan mendapat lebih kejayaan

jika sa-kira-nya semua wakil² Partai Politik yang ada dalam Dewan ini menghormati atau bekerjasama dengan pehak pemerintah. Saya tahu dan saya juga telah menyaksikan di-masa yang lalu apabila pegawai² itu masuk ka-kampung memberi penerangan saya dapati ada pula pemuda² yang nakal chuba merosakkan sharat² yang kita akan beri penerangan itu. Tidak berapa hari yang lampau satu rombongan ini telah masuk ka-tempat saya, tetapi saya berasa dukachita ada kereta² pegawai itu di-alehkan di-bukakan sekeru²-nya dan berbagai² lagi. Oleh sebab itu di-dalam Dewan ini di-hadhiri oleh tokoh² Politik, terutama sa-kali Tokoh² PAS supaya mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini.

Sa-lain daripada itu kepada Tokoh² PAS yang pergi ka-Perlis, saya minta-lah kerana kita menghadap masaalah yang besar di-hadapan kita ia-itu masaalah Pembangunan Luar Bandar. Dengan itu saya minta-lah di-mana² memberi kursus kepada pemuda² itu supaya memberi kerjasama dengan ranchangan Kerajaan Perikatan.

Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat): Mr. Speaker, Sir, page 40, items (12), (18) and (22). Mr. Speaker, Sir, the services and functions of the Department of Information are of vital importance to the country and to the people, especially their contribution towards the end of the Emergency. But nevertheless, I do like to stress here that in future, before any information or announcement is made in Chinese, all Information Officers, Assistant Information Officers and Field Officers should make proper investigations as to the most common and easily understood Chinese dialect to be used in thickly populated Chinese areas. This is necessary, Sir, because many a time by using the wrong Chinese dialects, which were not only not understood, it has led the people into confusion and important announcements were ignored. Why I only mention the Chinese dialects is because at the moment there are very good announcements in Malay, English and Indian.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Ab. Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, sub-head 55, saya tadi telah

mendengar penerangan wakil dari Perlis, bahawa dia telah mengalami dalam kampong² kata-nya dalam mana memberi sharahan banyak budak² nakal yang mengganggu beliau dan begitu juga mengganggu orang lain. Sa-olah² dia-nya menudoh Parti Islam yang berbuat demikian tetapi dia tidak mengkaji, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya sendiri pun pernah di-ganggu semasa dalam campaign. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu kalau dapat perkara² burok saperti ini tidak akan berlaku lagi.

Dalam sub-head 3 berkenaan Civic Education. Menteri Muda telah berkata tadi bahawa Civic Education itu akan membentok satu jiwa ra'ayat Malayan dalam negeri ini. Sa-orang wakil telah menudoh, kata-nya Kerajaan PAS takut dengan selalu mengadakan Civic Education itu tetapi sa-benar-nya kami tidak takut, yang kami khuatirkan ia-lah dalam memberi Civic Education itu jangan sekali² menimbulkan perasaan permusohan dan pergaduhan antara ra'ayat. Sunggoh pun wakil Jebleu-Jempol mengatakan ia-nya pernah mengikut Kursus Civic itu di-Negri Sembilan dan tidak pernah Menteri Muda itu atau pegawai² yang lain chuba menghasut ra'ayat, tetapi beliau itu tidak pernah pergi ka-luar hanya dalam Negri Sembilan sahaja, kalau beliau pergi mengikuti Civic Course ka-Kelantan atau ketempat lain harus dapat mendengar perkara yang demikian itu.

Selain daripada itu dalam memberi penerangan dalam Kursus itu patut-lah di-terangkan kedudukan hak² istimewa orang Melayu, apa²-kah sa-benar-nya isi dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan di-mana dudok-nya hak mutlak orang² Melayu yang sa-benar-nya supaya orang² Melayu dapat faham betul²—dengan ini boleh menghilangkan kata-mengata dan tudoh-menudoh antara satu dengan lain.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan mengambil bahagian dalam sub-head 3 berkenaan dengan Civic Education. Tadi Menteri Muda telah mengatakan bahawa ia akan membanyakkan Kursus Civic daripada tahun yang lalu, tetapi

menilek kapada anggaran perbelanjaan pada tahun 1961 chuma ada \$40,000, sedangkan tahun yang lalu \$50,000, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, harus barangkali Civic Education ini lebeh kurang daripada tahun yang lalu. Tetapi tidak tahu-lah barangkali perbelanjaan-nya lebeh kecil dan kerja²-nya lebeh banyak pada tahun yang akan datang ini. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Civic Education ini saya berharap akan membanyakkan di-Pantai Timor, shukor Al-hamdu lillah, kami menerima (*Ketawa*). Saya dari pehak kaum ibu Islam akan mengambil berat di-dalam-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kapada sub-head 25 berkenaan dengan Rural Area, di-dalam soal ini juga saya berharap penerangan² untuk kemajuan² kaum ibu, dan banyakan penerangan untuk wanita² di-kampong kerana wanita² di-kampong-lah yang banyak belum faham lagi. Saya minta film² di-tayangkan itu hendak-lah menunjukan kemajuan² kaum wanita daripada luar negeri yang telah di-hantar oleh Bangsa² Bersatu. Dengan ini dapat-lah kaum² wanita di-Persekutuan Tanah Melayu ini membandingkan kemajuan² wanita² di-luar negeri itu.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate in Committee of Supply resumed.

Resumption of Debate on Question.

That the sum of \$6,491,019 for Head 10 stand part of the Schedule.

(Mr. Speaker in the Chair)

Question again proposed.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini hendak berchakap di-atas perkara Item (1) dalam muka surat 40, ia-itu berkenaan dengan Director of Information Service. Apa yang hendak saya sebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan perkara yang bersabit dengan lawatan Rombongan² Kebudayaan dari luar negeri ka-negeri ini. Sebab apa, saya tahu lawatan Rombongan Kebudayaan Indonesia

baharu² ini; bagini mithal-nya, ada-lah di-uruskan oleh Jabatan Penerangan dan pertunjukan² yang di-buat di-Kuala Lumpur ini atau di-mana² juga negeri lain ada-lah di-atorkan oleh Director of Information Service ini. Jadi, yang hendak saya bangkitkan di-sini ia-lah supaya pada masa ka-hadapan hendak-nya Pegawai ini dapat-lah, apabila ada lawatan² daripada Rombongan Kebudayaan lain negeri datang ka-negeri ini dapat-lah di-adakan pertunjukan² yang terbuka kepada orang ramai yang tidak dengan bayaran. Sebab, apabila rombongan itu baharu² ini—Rombongan Kebudayaan Indonesia datang di-sini dan mengadakan pertunjukan di-negeri ini—Kuala Lumpur mithal-nya, baharu² ini kita telah dengar sungutan² orang ramai yang tidak mampu menuntun dengan di-kenakan bayaran \$2.00 dan \$3.00 itu. Sungutan itu berkehendakkan supaya dapat di-adakan pertunjukan itu perchuma—terbuka, sa-kurang²-nya sa-kali pada satu² tempat supaya dapat-lah orang ramai menikmati kesenian atau kebudayaan yang akan di-pertunjokkan oleh Rombongan² Kebudayaan luar negeri itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Pegawai ini patut-lah memikrkan bahawa orang ramai yang suka hendak menuntun menyaksikan Pertunjukan Kebudayaan ini tidak saja susah kerana di-kenakan bayaran yang berat \$2.00, tetapi telah timbul masaa-lah teket \$2.00 itu susah hendak di-dapati. Terpaksa-lah mereka kalau menuntun juga mengambil \$3.00. Berma'ana sa-saorang yang mempunyai 5 anggota famili-nya ia harus mengeluarkan sa-kurang²-nya \$9.00 atau \$12.00 kerana menyaksikan Pertunjukan Kebudayaan itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta perhatian Pegawai ini ia-lah apabila pada masa yang akan datang di-datangkan lagi Rombongan Kebudayaan dari luar negeri, hendak-nya pertunjukan itu dapat-lah di-adakan pada tiap² negeri terutama sa-kali di-Pantai Timor, Kelantan dan Trengganu.

Ka-datangan Rombongan Kebudayaan Indonesia kali ini sangat-lah

mendukachitakan penduduk² di-Pantai Timor, di-Trengganu dan Kelantan yang telah tidak di-beri peluang menyaksikan Pertunjukan Kebudayaan ini. Pada hal mereka itu—di-negeri² Pantai Timor terutama Kelantan ada-lah kaya dengan berbagai² unsor kesenian dan kebudayaan nasional yang asli. Banyak pen-chinta² kebudayaan negeri itu sangat suka dan sangat besar hasrat-nya hendak melihat pertunjukan ini. Saya di-beri tahu juga, keterangan² daripada Pegawai Director ini dalam surat khabar sadikit masa yang lalu mengatakan bahawa Rombongan Kebudayaan Indonesia tidak di-hantar ka-Pantai Timor oleh kerana pada masa itu musim teng-kujok—musim hujan. Tetapi saya sangat-lah muskil sebab sa-patut-nya sa-belum lagi Rombongan itu datang ka-negeri ini telah di-kaji, apa-kah dalam bulan 12 saperti ini boleh rombongan itu menunjokkan pertunjukan-nya di-semua negeri. Kalau difikirkan pada bulan 12 ini Kelantan dan Trengganu ada musim hujan susah hendak berjalan maka tentu-lah ditangguhkan ka-datangan rombongan ini, ini boleh di-buat. Tetapi saya tidak-lah menyangka ada apa² perasangka politik di-dalam perkara berhubung dengan kebudayaan ini.

Perkara yang akhir yang hendak saya sebutkan di-sini dan bagi perhatian Pegawai Director of Information Service ini yang mengatorkan semua ranchangan lawatan Rombongan Kebudayaan luar negeri ka-negeri ini biar-lah hendak-nya pada masa yang akan datang, apabila satu² rombongan hendak di-bawa ka-dalam negeri ini dapat-lah di-atorkan masa-nya bagaimana rombongan itu boleh berjumpa atau bertemu dengan anggota ahli² kebudayaan negeri ini dengan badan² kebudayaan negeri ini supaya tidak-lah menjadi saperti apa yang telah terjadi dalam masa lawatan Rombongan Kebudayaan Indonesia, sa-hingga menimbulkan rasa tidak puas hati kepada ka-banyakan Pertubohan² Kebudayaan negeri ini tidak dapat peluang mengadakan sambutan² atau bertukar² fikiran dengan rombongan itu. Saya harap perkara ini akan dapat di-ambil perhatian oleh Pegawai ini terutama-nya oleh Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio kita.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian di-dalam Sub-head 25: Publicity in Rural Areas. Saya rasa, ada dua chara di-dalam menjalankan perkara ini. Ia-itu satu dengan chara mobile atau pun kereta dan yang lagi satu ia-lah dengan motor-boat. Jadi, kami di-sana—di-Perak, saya dapat tahu chara yang di-gunakan ia-lah menggunakan motor-boat di-Sungei Perak tetapi motor-boat itu berada di-Telok Anson. Saya dapat tahu ha-nya sa-tahun sa-kali sahaja yang di-gunakan untuk pergi ka-kampong² yang berdekatan dengan sungei. Jadi, sakira-nya perkara ini berjalan ha-nya sa-tahun sa-kali sahaja, saya rasa tidak-lah memuaskan. Saya minta-lah kepada pejabat yang berkenaan atau pun Kementerian yang berkenaan supaya melebuhkan lagi motor-boat² itu dan dengan bertambah-nya bilangan motor-boat² maka penerangan² ka-kampong² yang berhampiran dengan Sungei Perak dapat di-galakkan. Sekian-lah terima kaseh.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini ada-lah mengalu²kan peruntukan dalam Jabatan Penerangan ini. Selain daripada itu bagi pehak rakan saya yang telah memberi berbagai² perhatian berhubung dengan peruntukan ini maka suka-lah saya hendak berchakap dalam dua perkara. Pertama berhubung dengan sub-head 3—Civics Education. Saya berharap pehak yang berkenaan akan memilih bakal² yang hendak mengambil bahagian dalam kursus ini dan kalau boleh jangan-lah hendak-nya memilih kaseh, tetapi saya berharap supaya pengambilan itu di-utamakan kepada pemuda² kita di-kampong² yang ada mempunyai bakat dalam pemimpin.

Kedua, sub-head 25—Publicity in Rural Areas. Saya chuma hendak mengatakan agar pegawai² penerangan yang datang ka-kampong² memberi penerangan itu ia-itu ketika menjawab soalan² terhadap orang ramai hendak-lah soalan² yang betul² menepati dengan memberi puas hati kepada orang ramai dan jangan-lah hendak-nya pegawai² itu menjawab dengan sambil lewa sahaja.

Selain daripada itu gemar saya mengambil perhatian pehak yang berkenaan agar mengawasi dan menchegeh satu² anasir yang berupa kurang baik pada membisekkan orang ramai di-mana satu masa dahulu rombongan pegawai penerangan telah masuk di-kampong. Anasir² itu telah membisekkan bahawa orang ramai tidak pergi, sebab wayang yang hendak di-tayangkan itu ia-lah wayang Perikatan. Dan akhir sekali berhubung dengan bisekan itu kechaman yang hibat yang di-hadapkan kepada Kementerian ini. Oleh sebab masaalah pokok telor telah di-sebutkan maka saya suka menyebutkan sedikit di-sini bahawa telor ayam yang berketok tadi ada-lah lebeh baik daripada telor ayam yang di-telor-nya kepada tempat kepala, tetapi tidak-lah baik telor-nya kalau ayam yang berketok itu tadi terbang hendak menuju pada bulan dan bintang.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah Jabatan Penerangan ini satu jabatan yang sangat² mustahak, kerana dapat menerangkan perjalanan Kerajaan yang pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang serta kursus² yang akan di-adakan itu akan bertambah baik lagi. Saya suka memberi satu pandangan ia-itu dalam tahun 1961 ini patut-lah kursus yang saperti ini di-adakan kepada pegawai² yang besar atau pegawai² yang berkenaan sahaja dahulu, sebab sabagaimana yang saya dapati ada sa-tengah daripada pegawai² itu berselisih faham pada masa menerangkan kepada orang² kampong berhubung dengan perjalanan kerja pada hari ini atau perjalanan sa-suatu pejabat. Umpamanya dalam soal Kad Pengenalan ada sa-tengah-nya mengatakan membayar 50 sen, sa-tengah mengatakan \$5. Jadi kalau boleh di-adakan kursus itu terlebeh dahulu kepada pegawai² yang berkenaan supaya dapat kesemua-nya sekali satu fahaman atau satu kenyataan yang betul supaya dapat menerangkan kepada orang² kampong tujuan Kerajaan pada hari ini.

Saya sangat sukachita mendengar-nya yang Field Officers bertambah sa-ramai 14 orang menjadi berjumlah sa-ramai 148 orang pada tahun ini. Ini satu perkara yang bertambah baik kerana mereka itu dapat menerangkan dengan lebeh jelas kepada orang² kampong.

Dengan ini saya berharap kepada pegawai yang berkenaan supaya jangan lupa menghantarkan satu dua orang di-kawasan saya supaya dapat-lah orang² di-kawasan saya itu lebih faham apa² perjalanan Kerajaan pada masa ini.

Saya suka menarek perhatian Dewan ini bahawa dalam masa pemerintahan Jepon dahulu "Kimigayo" atau dengan lebih terkenal lagu kebangsaan Jepon itu sangat-lah mustahak pada masa itu. Pada masa saya di-Johore Bahru dahulu, kalau tak salah ingatan saya Tuan Governor selalu berchakap ia-itu sakira-nya penduduk² dalam tempat itu tak tahu Kimigayo kepala-nya di-potong. Kenapa di-buat demikian? Tak lain dan tak bukan ia-lah supaya menarek perasaan penduduk² dalam negeri itu menumpukan kasih sayang-nya kepada negeri dan juga kepada raja-nya. Oleh itu saya fikir sudah sampai masa-nya bagi negeri kita yang merdeka ini pula menguatkan dalam perkara "NEGARA-KU" supaya dilateh dan di-ajar di-mana² kampung dan sekolah supaya perasaan kasih mesra terhadap negara dan Raja-nya akan bertambah irat lagi.

Mr. Speaker: Di-bawah Kepala mana?

Tuan Syed Esa bin Alwee: Civics Education, terima kasih.

Enche' Hussein bin To' Muda Hasan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan sub-head 25—Publicity in Rural Areas. Dalam kawasan saya di-Cameron Highlands di-mana satu jajahan tempat orang mengambil angin yang kebanyakan-nya orang² datang ka-situ makin hari makin bertambah. Perkhidmatan penerangan di-kawasan itu ia-lah di-bawah jagaan Tapah, Perak. Di-sini saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan, jikalau boleh, supaya di-adakan satu unit Information Service di-sana, kerana mengikut pandangan saya di-tempat itu yang boleh saya mithalkan sa-buah kampung bernama Terangkap dan Kg. Trela ia-itu 10 batu jauh-nya daripada pekan Tanah Rata. Penduduk di-situ kebanyakan-nya sa-bagai pekebun sayur yang kebanyakan-nya tak dapat perkhabaran daripada luar yang sa-benar-nya. Maka

sepatut-nya Pejabat Penerangan mesti mengadakan satu unit yang sentiasa pergi ka-kampung² di-situ supaya mereka itu tidak dapat perkhabaran daripada orang yang tidak bertanggung jawab.

Sub-head 7, remarks (5) Information Centres. Dalam kawasan saya ada dua tempat perangan: Fraser Hill dan Cameron Highlands. Kalau sa-kira-nya dapat Pejabat Penerangan ini membuat satu Centre di-sana di-mana akan menunjukkan gambar² negara dan juga yang lain² supaya pelawat² dari luar negeri dapat menengok pergerakan perkhidmatan penerangan di-sana. Di-samping itu suka juga saya menarek perhatian, berhubung dengan bandar Raub dalam perkara berkenaan dengan Information Centres jua. Pejabat Penerangan di-sana terlampau kecil, sebab tempat-nya berhampor bahagian China dan Melayu dan juga Mobile Cinema Operator. Kalau kita hendak berjalan di-tempat itu pun payah, sebab terlalu sempit dan pada masa sekarang ini pun Welfare Department di-letakan di-situ juga, dan segala pelan² gambar yang sepatut-nya di-tunjokkan kepada orang ramai itu pun di-sangkutkan di-situ juga.

Oleh yang demikian saya berharap kepada Jabatan Penerangan melalui Menteri yang berkenaan sila-lah buat rumah baharu untuk Pejabat Penerangan yang betol. Saya suka memberi pengakuan dan akan bersedia berkerjasama dengan Kementerian yang berkenaan supaya mencari tempat yang patut di-fikirkan sesuai bagi tempat itu.

Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Civics Education dan penerangan kemajuan di-luar bandar. Civics Course yang di-beri kepada ra'ayat itu, saya harap adakan-lah satu peratoran supaya Councillor daripada semua peringkat di-beri juga mereka itu course. Sebab banyak kali saya dapati, mithal-nya, Pegawai Daerah memberi penerangan berkenaan dengan kemajuan luar bandar supaya mengambil tanah, kemudian kalau Councillor pula masuk di-dalam kampung itu yang kepada orang itu juga di-beri penerangan, lain pula kaedah dan peratoran-nya. Jadi kalau dapat semua Councillor ini di-beri

tahu betul³ dalam perkara urusan Kerajaan ini, tidak-lah berselisih lagi dengan pegawai kerajaan yang memberi penerangan itu.

AN HONOURABLE MEMBER: Termasok ibu sendiri.

Hajjah Zain binti Sulaiman: Ya, termasok ibu sendiri. . . semua peringkat patut tahu.

Yang kedua, berkenaan dengan lagu kebangsaan sa-bagaimana yang telah di-sebutkan oleh rakan saya tadi. Saya harap lagu kebangsaan ini semarakkanlah di-tiap² Civics Education di-mulakan dengan lagu kebangsaan dan di-sudahi dengan lagu kebangsaan di-tiap² penerangan dalam kampung itu sa-bagaimana yang telah di-buat oleh Radio Malaya ia-itu pukul 6 pagi sahaja berdengong lagu kebangsaan dan pukul 11 malam berdengong lagu kebangsaan. Sa-kian-lah sahaja ucapan saya, terima kasih.

Enche' Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak membincangkan baik telur ayam mahu pun telur itek

Mr. Speaker: Fasal telur ayam itu jangan di-bahathkan dalam perbahathan ini (*Ketawa*).

Enche' Mohamed bin Ujang: . . . tetapi saya suka menjawab sedikit perchakapan wakil dari Pasir Mas Hulu berkenaan dengan Civics Education itu. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu betul² kedudukan yang sa-benar-nya, kerana sa-tahu saya, ia adalah orang Seremban, perkara itu berlaku di-sabelah pantai timor . . .

Dato' Mohamed Hanifah bin Hj. Ab. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan . . .

Enche' Mohamed bin Ujang: . . . ia duduk jauh . . .

Mr. Speaker: Ini perkara apa! tuan hendak minta apa?

Dato' Mohamed Hanifah: . . . saya minta penjelasan.

Mr. Speaker: Tuan beri?

Enche' Mohamed bin Ujang: Tidak. Ia dudok di-Seremban, perkara itu berlaku di-pantai timor, saya rasa ia tidak "well informed". Yang sa-benar-nya, penerangan yang di-beri oleh Yang

Berhormat Menteri Muda Penerangan ada dua perkara. Yang pertama, penerangan dalam Civics Course, yang kedua menjalan kerja parti. Barangkali dua² perkara ini di-champorkan-nya itu-lah saya harap dudok-lah lama disana, jadi tahu kedudukan yang sa-benar-nya.

Saya ada mendengar tadi, wakil PAS telah beria² benar menyesalkan Kerajaan, kerana pertunjukan kebudayaan itu tidak di-beri perchuma dan tidak di-hantar ka-lain negeri termasuk negeri Kelantan. Perkara itu kalau hendak di-tunjukkan dengan perchuma dan di-hantar juga ka-lain negeri, saya rasa berbulan² dan bertahun² pun tidak habis. Saya baharu dapat tahu, rupa-nya PAS ini mahu juga menengok show yang sa-umpama itu (*Ketawa*) saya rasa perkara ini dahulu ia kata haram. . . .

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan.

Enche' Mohamed bin Ujang: Saya tidak beri jalan.

Enche' Mohamed Asri: Tidak apa (*Ketawa*).

Enche' Mohamed bin Ujang: Jadi hari ini barangkali ia sudah mengikut peredaran zaman sekarang.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menjelaskan sedikit sa-banyak berkenaan bahathan² yang telah di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada pehak pembangkang, sambil memberi terima kasih kepada tegoran² yang membena yang di-datangkan oleh penyokong² Kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyebutkan berkenaan dengan soal pengambilan Pegawai Penerangan dalam Special Section. Saya sangat dukachita mendengar pandangan dan pendapat yang terbit daripada Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan pengambilan ini. Beliau hendak mengetahui bagaimana-kah chara-nya pegawai² itu di-ambil, sambil menudoh bahawa K e r a j a a n mengambil orang² ini sa-bagai upah atau pun sa-bagai hendak mengambil hati chalun² Perikatan yang kalah di-sabelah pantai timor. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat² dukachita diatas tudohan yang telah terlampau keroh ini, kerana chara yang telah

di-jalankan untuk mengambil orang² ini ada-lah chara yang biasa dan mengikut saluran² yang di-amalkan oleh Kerajaan dalam perkara² yang sa-umpama ini. Sa-saorang itu tidak akan di-ambil bekerja, melainkan sa-telah Kerajaan puas hati dengan mengadakan temu duga atau interview yang menunjukkan sa-saorang chalun yang akan di-ambil itu sa-benar-nya boleh menjalankan tugas dan kewajipan yang akan di-tanggung dan di-pikulkan ka-atas-nya. Bukan-lah sa-saorang chalun itu di-ambil kerana chorak atau bulu politik-nya, tetapi sa-mata² k e r a n a kesanggupan dan kebolehan untuk menjalankan tugas dan kewajipan yang di-pikulkan ka-atas-nya.

Berkenaan dengan soal yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, bertanya kenapakah soal pengambilan pegawai² itu tidak di-i'lanan dalam surat² khabar. Jadi di-sini saya ingin hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa jawatan ini ia-lah jawatan sementara dan boleh-lah ketua Pejabat itu mengambil dengan tidak payah di-i'lan. Sunggoh pun Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membuat i'lan rasmi meminta pemohon² daripada chalun² yang ingin hendak menjawat jawatan itu, tetapi semenjak berita dan chadangan Kerajaan itu di-bayangkan oleh Yang Amat Mulia Perdana Menteri dalam satu masa dahulu, maka permintaan² daripada orang ramai telah datang dengan bertimbun² banyak-nya. Lagi satu perkara yang saya ingin hendak sebutkan berkenaan dengan pegawai² ini ia-itu Kerajaan tidak akan mengambil orang² yang tidak perchaya dasar Kerajaan, orang² yang tidak tahu appreciate dasar Kerajaan, atau orang² yang tidak tahu memperhargakan sa-barang tujuan yang di-buat oleh Kerajaan. Orang² yang sa-umpama itu jika di-ambil bekerja oleh Jabatan Penerangan, neschaya dia akan menjalankan "sabotage" terhadap ranchangan² Kerajaan. (Ketawa).

Lagi satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ia-itu bila saya hendak ka-Kelantan kata-nya patut-lah membuat perhubungan mengikut saluran² yang biasa. Jadi di-sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menerangkan bahawa ka-mana² saya

pergi memang-lah menurut saluran² yang biasa di-ikuti ia-itu memberikan ma'aluman kepada Kerajaan Negeri atas lawatan saya, tetapi saya tidak pula terpaksa mesti menemui sa-saorang pegawai Kerajaan di-dalam negeri itu yang tidak kena-mengena dan tidak bersangkut-paut dengan urusan dan kerja saya.

Berkenaan dengan chadangan saya hendak mengambil atau menumpukan pandangan yang berat kepada Pantai Timor dengan mengadakan Kursus Civic yang lebeh² lagi pada masa² kahadapan ia-lah kerana memandangkan keadaan yang ada di-sana itu memerlukan penerangan yang lebeh banyak lagi. Sebab bagaimana yang di-katahui nisbah orang² yang buta huruf di-Pantai Timor ada-lah lebeh banyak lagi daripada nisbah orang² yang di-Pantai Barat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Yang Berhormat d a r i p a d a Tanah Merah, yang telah mengongkit soal takut dan berani, lagi sa-kali dalam ucapan-nya tadi, jadi di-sini T u a n Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi menegaskan ia-itu memang puak² pembangkang yang telah berchakap menyerang diri saya itu orang² yang penakut, saya menjadi momok kepada mereka dan kalau boleh biar-lah saya tidak ada di-sini. (Ketawa).

Berkenaan dengan Malayan Film Unit itu, Ahli Yang Berhormat itu telah meminta supaya di-banyakkan film² pendidekan. Saya sangat² bersetuju dengan chadangan Ahli Yang Berhormat itu dan saya ingin hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa film² yang berupa pendidekan itu memang telah pun di-keluarkan oleh Malayan Film Unit. Jadi saya minta kepada Ahli Yang Berhormat itu kalau ada lapang jengok² lah wayang gambar, saya fikir tidak ada galangan atau halangan untuk menengok w a y a n g gambar di-panggon². Di-situ akan di-tayangkan gambar² yang di-buat oleh Malayan Film Unit yang menunjukkan kepada orang ramai Filem² Pendidekan, memberi latehan berchuchok tanam, kesihatan dan berbagai² lagi. Jadi pendek kata Filem² yang di-buat oleh Film Unit itu pada hari ini memang-lah boleh di-katakan sangat memuaskan hati.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah juga mengatakan, biar-lah dalam Kursus Tata Ra'ayat itu tidak ada perkara² yang berupa chachi menchachi, dia setuju perubahan² untuk membentok jiwa baharu. Memang itu-lah yang menjadi tujuan kita mengadakan Kursus Tata Ra'ayat ia-itu hendak membentok jiwa baharu untuk menghadap perubahan² yang baharu yang ada dalam negeri kita ini. Di-samping itu beliau menudoh saya menggunakan Kursus² Tata Ra'ayat itu untuk mengata dasar Partai itu dan menyerang dasar Partai² yang lain daripada Perikatan. Bagaimana kenyataan saya pada hari sa-malam dan saya ulangkan sa-kali lagi pada hari ini, ia-itu saya biasa memberikan Kursus Tata Ra'ayat itu hanya-lah mengenai perkara² yang boleh menyatupadukan ra'ayat negeri ini, hendak membentok satu bangsa yang mempunyai ta'at setia yang sa-penoh-nya, dan juga menerangkan dasar Kerajaan yang patut di-terangkan. Tidak-lah pernah saya menudoh satu² Partai dalam ucapan saya itu. Dan kalau ada orang yang mengatakan bahawa chara yang sa-umpama itu menyentoh dasar Partai-nya maka terpulang-lah kepada chara mereka berfikir dan bukan-lah patut dia tempelakkan ka-atas saya.

Ahli Yang Berhormat d a r i p a d a Pulau Pinang, telah menyatakan ia-itu dia berasa bahawa pegawai² Penerangan (Field Officer) ini ada banyak di-antara mereka yang tidak begitu pandai berchakap sa-hingga d a p a t menarek dan mempengaruhi o r a n g ramai. Jadi di-sini Tuan Yang di-Petua, saya ingin hendak menerangkan kerana perkara ini sangat² mustahak. Saya sendiri telah meminta daripada Pegawai² Penerangan itu supaya berchakap kepada orang ramai dan menumpukan chakap-nya itu kepada dasar Kerajaan dan jika ada apa² tuduhan daripada Partai² lain maka hendak-lah mereka menerangkan kedudukan tuduhan itu. Saya telah menasihatkan mereka supaya mengelakkan dan menjaohkan diri daripada pertikaian Partai² Politik, kerana mereka ada-lah pegawai² Kerajaan. Dan saya telah memberitahu pegawai² itu supaya biarkan soal partai dan soal politik itu kepada orang² politik.

Dan sa-bagai pegawai Kerajaan, kena-lah mereka menerangkan dasar Kerajaan dengan straight forward. Dan chara straight forward ini-lah agak-nya yang menjadi kadang² orang ramai dan orang kampung ta' berapa tertarek dengan chakap² Pegawai² Penerangan itu. Kerana biasa-nya orang ramai suka mendengar chakap² yang ada gigit— ada sengat-nya, ada bisa-nya terhadap parti² lain yang tidak dapat di-buat oleh Pegawai² Penerangan yang menjadi pegawai Kerajaan. Lain² perkara dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Penang; Selatan-kah atau Utara, saya pun ta' ingat, tegoran²-nya itu saya ucapkan berbanyak terima kaseh.

Dan begitu juga tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelevu dan daripada Temerloh yang telah menchadangkan supaya di-adakan pegawai² wanita. Memang-lah pada hari ini dalam Jabatan Penerangan kita ada mempunyai Pegawai² Penerangan wanita sa-ramai 5 orang. Dan kita berchadang kira-nya dapat chalon² yang bersesuaian yang mempunyai kelayakan dan kebolehan yang chukup dapat-lah kita tambahkan Pegawai² Penerangan wanita ini.

Ahli Yang Berhormat d a r i p a d a Seberang Perai Utara, telah menyebutkan di-dalam ucapan-nya tadi, Tuan Yang di-Pertua, menchadangkan ia-itu kata-nya patut dalam Civics Course itu atau Kursus Tata Ra'ayat di-adakan pelajaran² berkenaan dengan asas² dan dasar² chara pemerintahan democracy Berparlimen. Dan juga beliau meminta supaya dalam Kursus² itu di-adakan pelajaran² bagi memberi orang kampung tahu dan faham bagaimana sa-sabuah negeri itu menjalankan pemerintahan dan pentadbiran-nya dan begitu juga Local Council. Saya menerima chadangan dan fikiran-nya ini dengan chukup senang hati dan saya berpendapat ia-itu memang Kursus sa-umpama ini, sa-telah melihat dan mendengar perbahathan daripada ahli² PAS berkenaan dengan hal Jabatan Penerangan ini, memang sangat² mustahak Kursus yang sa-umpama ini di-berikan khas-nya kepada Ahli² Yang Berhormat daripada PAS itu. Kerana ucapan² yang mereka telah lafadzkan semalam dan hari ini telah menunjokkan yang mereka tidak faham

tanggungan dan kewajipan sa-orang Menteri dalam menjalankan tugas-nya. Sa-hinggakan mereka telah menudoh saya terkeluar daripada kewajipan saya sa-bagai sa-orang Menteri Penerangan. Saya mempunyai keperchayaan penoh bahawa Kursus sa-umpama ini sangat² mustahak, khas-nya kapada Ahli Yang Berhormat yang berchakap tadi. (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat d a r i p a d a Melaka dan juga lain² Ahli Yang Berhormat yang telah meminta Civics Course itu di-adakan pada Pegawai² Kerajaan. Memang-nya yang saya tahu Pegawai² Kerajaan itu kerap kali mengadakan latehan pentadbiran dari satu masa ka-satu masa. Dan tidak-lah dapat kita mengadakan Civics Course pada Pegawai² Kerajaan untuk memberi tahu atas semua perkara yang brelaku dalam negeri seluroh-nya kerana tiap² sa-orang Pegawai² itu bertanggung-jawab atas satu² kerja dan satu² urusan. Dan harus dari kerja itu-lah dia mendapat latehan yang sa-penoh-nya.

Ahli Yang Berhormat d a r i p a d a Seremban; minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas, saya terkeliru tadi. (*Ketawa*).

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya wakil dari Pasir Mas Ulu bukan Pasir Mas sahaja. Menteri itu ta' faham.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Ia, saya terkeliru (*Ketawa*). Fasal saya tahu dia dari Seremban (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Ulu, dia kata, dia memang suka sangat Civics Course ini dan seronok sa-kiranya di-banyakkan di-sa-belah Pantai Timor khas-nya di-Kelantan. Tetapi apa yang dia ta' suka kata-nya, dalam Civics Course itu di-champorkan dengan perkara² politik. Jadi, di-sini barangkali saya ta' payah mengulas kenyataan-nya kerana daripada semalam dan hari ini saya telah menerangkan perkara ini. Dan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Ulu itu meminta supaya di-terangkan berkenaan hak dan kedudukan orang² Melayu dalam Perlembagaan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah menjadi satu bahan di-dalam penerangan yang di-jalankan oleh Pegawai² Penerangan

di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini khusus-nya berkenaan dengan Perlembagaan negeri ini. Dan saya tahu, tidak ada sa-orang pun terkeliru atau salah faham berkenaan dengan kedudukan hak orang ramai istimewa orang² Melayu, melainkan Ahli² Yang Berhormat daripada PAS. Jadi, kalau dia orang bersetuju boleh-lah saya sendiri mengadakan Civic Course itu untuk menunjokkan apa-kah hak² orang Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Berbalek kapada Ahli Yang Berhormat daripada Trengganu, Tengah-kah Selatan; susah hendak mengenal nama² Ahli di-sa-belah sana.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, Kuala Trengganu Utara. Minta-lah Menteri itu menghafadzkan sedikit.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan bahathan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, saya sungguh seronok mendengar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kerana fikiran²-nya itu nampak-nya terbit daripada orang yang cultured. Dalam beberapa hari dahulu berkenaan dancing dan joget di-Maktab Perguruan P e r e m p u a n Melaka, nampak-nya dia bertanya kapada Kerajaan sa-olah² dia tidak memperkenan dan mempersetujui anak² murid kita belajar culture Melayu—kebudayaan Melayu, kesenian Melayu, dan tari menari Melayu itu. Tetapi pada hari ini beliau beria² benar sampai rombongan daripada Indonesia itu kata-nya, patut di-adakan public show bagi orang ramai menikmati seni lagu dan tari. Saya chukup seronok mendengar ini daripada Ahli Yang Berhormat daripada PAS.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kalau ta' salah ingatan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu menyoal berkenaan dengan tarian² di-Maktab Perguruan, itu bukan soal. .

Enche' Mohamed bin Ujang: Saya fikir sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat itu sendiri yang berchakap, ini pula orang lain yang menerangkan.

Mr. Speaker: Itu bukan Order. Saya hendak menjawab pada dia dahulu.

Pada hendak menerangkan satu masalah itu tidak-lah di-sharatkan orang yang berchakap itu menjawab. Siapa yang ada di-sini pun boleh bangun menerangkan, tidak jadi salah; tidak ada dalam Order itu. Any Member can stand on a point of clarification under this.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Jadi, mengikut fahaman saya, apa yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara adalah masalah dancing—tarian barat dan tidak di-kaitkan dengan tarian timor itu. Jadi, nampak-nya Menteri Muda ini tersalah sedikit dalam perkara itu.

Mr. Speaker: Saya hendak tanya, betul apa yang di-chakapkan-nya itu? Betul.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad: Betul. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Proceed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, tarian² sama ada dari utara, barat atau selatan di-panggil seni juga dan saya sangat seronok mendengar daripada Ahli PAS itu. Berkenaan dengan soal mengadakan pertunjukan kepada orang ramai daripada kumpulan penyanyi dari Indonesia yang tidak dapat di-tunjukkan kepada orang ramai itu ia-lah kerana mereka itu datang sa-bagai satu kumpulan, bukan sa-bagai satu mission untuk menunjukkan seni tari atau nyanyi Indonesia pada negeri ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kalau tak salah dalam ucapan pembukaan dahulu Duta Besar Indonesia di-Malaya dan juga Pengarah Jabatan Penerangan yang telah mengatakan bahawa rombongan Kesenian Indonesia ini ia-lah kerjasama di-antara Republik Indonesia dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang bererti bahawa anjoran Kerajaan kedua² buah negeri itu adalah dari persatuan kebudayaan.

Mr. Speaker: Nampak-nya Ahli yang meminta penjelasan itu tak kena pada tempat-nya. Saya minta supaya di-ambil ingatan kepada orang yang hendak bangun supaya memberi penjelasan atas apa yang di-chakapkan pada masa

itu, bukan-lah perkara yang terlebih dahulu daripada itu.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Barangkali, Tuan Pengerusi, tidak perlu saya menjawab perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, hatta perkara teket susah di-dapati pun di-sebutkan.

Mr. Speaker: Jangan sebutkan lagi fasal itu!

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tidak, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat itu berasa dukachita, kerana kumpulan seni Indonesia itu tidak di-hantar ka-pantai timor—ma'ana pantai timor bukan-lah Kelantan sahaja. Untuk menjadi jelas supaya jangan ada yang meminta penjelasan nanti berkenaan dengan soal tidak di-hantar kumpulan kesenian itu ka-pantai timor ia-lah kerana memandangkan: Pertama kesuntukan masa bagi rombongan itu dudok di-Persekutuan. Kedua memandangkan musim-nya kurang baik ia-itu musim hujan dan ribut di-pantai timor pada hari ini, dan bagi pehak Kerajaan telah memikirkan bahawa masa ini tidak-lah sesuai untuk menghantar kumpulan kesenian itu ka-pantai timor.

Selain daripada itu bilangan rombongan ini ada-lah satu bilangan yang besar dan di-samping itu menimbangkan dari segi udara dan kemudahan² yang lain untuk rombongan itu. Itu-lah di-antara beberapa sebab yang tak dapat di-hantar rombongan atau kumpulan seni Indonesia itu ka-pantai timor, tetapi saya mendapat faham bahawa kumpulan seni Indonesia itu sanggup memberikan masa yang lebih lagi untuk dudok di-Persekutuan, maka sekarang ini sedang di-timbangkan kemungkinannya untuk menghantar rombongan itu ka-pantai timor.

Sa-perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu selain daripada perkara² tadi dan saya perchaya perkara ini di-chedok daripada renchana Pengarang Utusan Melayu ia-itu rombongan ini tidak di-beri peluang untuk berjumpa dengan ahli² kebudayaan dan badan kesenian yang ada di-Tanah Melayu ini. Saya ingin hendak menyatakan bahawa berita dan khabar yang kumpulan seni Indonesia akan datang ka-Tanah Melayu ini telah lama bergema dalam Persekutuan ini

dan tidak ada satu badan seni atau badan kebudayaan yang ada dalam Tanah Melayu ini yang tergamak dan sudi bermurah hati merendahkan dirinya untuk berhubung dengan Pengarah Jabatan Penerangan bagi membuat sa-suatu chadangan untuk berjumpa dengan ahli² seni dari Indonesia itu. Maka ini-lah satu perkara yang sangat² di-kesalkan. Sakira-nya Ahli itu menarek perhatian saya sendiri atau pegawai yang berkenaan yang mengurus-nya maka sudah tentu dapat di-atorkan suatu pertemuan dengan ahli² kumpolan seni Indonesia itu dengan badan² seni tempatan.

Di-samping itu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah menyebutkan berkenaan dengan masa yang mana kata-nya tidak memilih masa yang sesuai untuk rombongan itu sampai kemari dan sampai ka-pantai timor pada musim tengkujuh. Perkara ini tak patut saya terangkan lagi, kerana telah sebutkan tadi ada kemungkinan untuk menghantar rombongan itu ka-pantai timor, tetapi apa yang hendak saya terangkan di-sini ia-lah rombongan itu patut sampai ka-Tanah Melayu ini pada awal tahun ini, tetapi oleh kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama dan yang Kedua maka ranchangan itu telah di-tanggohkan dari satu masa kasatu masa hingga-lah bulan ini dan bukan-lah tujuan kita menchari pada musim hujan untuk rombongan itu sampai ka-sini. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$6,491,019 for Head 10 agreed to stand part of the Schedule.

Head 11—

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, in introducing Head 11, Keeper of Public Records, I would like to state here that the increase in the number of posts under Personal Emoluments is for the purpose of setting up of the embryo of national archives and for the initiation of the first stage of a systematic scheme for a course in administration, beginning with the Federal records. Provision has been made for two new appointments of Archivist and Assistant Keeper of Public Records. When they are

appointed, they will be sent for training to the National Archives in India.

The work of the two new Records Administration Officers and the five Records Filing and Indexing Clerks is to process, in the first instance, a large collection of records—many of them 50 years old—which have been collected by the office. After they have completed this work, they will begin to process all pre-war Departmental records which survived the Japanese occupation.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kasih atas peruntukan pejabat baharu ia-itu di-Sub-head 1, Item 3 Archivist. Sa-bagaimana yang saya ketahui pegawai yang memegang jawatan itu sekarang ia-lah pegawai temporary, jadi ini menunjukkan Kerajaan telah mengambil satu langkah untuk menggantikan pegawai temporary kepada pegawai tetap dalam Division 1.

Question put, and agreed to.

The sum of \$112,650 for Head 11 ordered to stand part of the Schedule.

Head 12—

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, in introducing Head 12, Museums, I would like to offer just a few comments. Honourable Members will see from the Estimates that there will be a considerable increase in the staff of the Museums Department. The increase is required for the new National Museum. However, I must say that it is now expected that the work on the construction of the new Museum will start only about the middle of 1961, and it is unlikely that it will be ready before the end of the year. Thus there will be substantial savings under this Head.

There is only a token provision of \$10 for the post of Director of Museums, Superscale H, and this comes in from year to year. This is because the post of Director of Museums is not filled as the work is being performed by the same man who is now, as you will see under Head 10, the Keeper of Public Records. The present Keeper of Public Records is willing and happy to do both work for the same pay.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, walau pun Yang Berhormat Perdana Menteri telah

memberi penerangan berkenaan dengan Keeper of Public Record dalam menjalankan kerja-nya di-Museum. Boleh-kah saya fahamkan daripada kedudukan sekarang ini bahawa salah satu kerja di-antara kedua-nya tidak begitu besar, sa-hingga ia boleh membuat kerja yang lain?

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, a museum is not necessarily only a place to preserve fossils and antiques. It is also a place which is a repository of knowledge; we find here that there is provision for Library Clerks. Further down there is an item "Repair and Replacement, Museum Library" where a provision of \$1,000 is made. We would like to know whether the Honourable the Prime Minister can explain to us whether it will be money for additional books, or whether it is going to be used for alteration of the premises of the library.

Sir, we find that the British Library is stocked with a great number of very original works, and people desiring to do research can go there and make use of all these original works. I hope that the Government will take note of this and institute something similar in our Library here, so that our research students and social scientists and others eager in the search of knowledge can always find this Library of our Museum a source from which they can draw upon.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): Mr. Speaker, Sir, I would just like to know from the Honourable the Prime Minister what has happened to the excavation work at Johore Lama—that refers to the last item "Excavation work at Johore Lama, \$15,200". There is no expenditure provided for this year.

Mr. Speaker: \$15,200 for this year—nothing for next year.

Enche' Lim Kean Siew: I mean this year's Estimates presented last year, there is provision for \$15,200 but there is no provision in the Estimates presented this year for 1961. It would appear that the excavation work is completed, and I was wondering if the Honourable the Prime Minister could let us know what is the result of the excavation work—to what extent has it been a success.

The Prime Minister: Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berhubung dengan pembaikan Sekolah Gambar itu maka suka saya menyatakan di-sini bahawa kerja² itu banyak. Dan juga berkenaan dengan Pengarah Museum yang juga menyimpan rekod² Kerajaan yang mana kerja Pengarah itu boleh di-lakukan oleh penyimpan rekod² tersebut.

